

BIL.	KELULUSAN LEMBAGA PENGARAH KE 159 (MINIT 159/11)
1	<p>Tujuan dan Kelulusan</p> <p>Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menetapkan peraturan-peraturan dan kadar bagi Keraian Rasmi yang boleh dibelanjakan daripada peruntukan Kerajaan oleh Pusat Tanggungjawab di Unversiti Putra Malaysia</p>
2	<p>Tafsiran</p> <p>Melainkan sesuatu itu jelas maksudnya di dalam pekeliling ini tafsiran di bawah ini hendaklah diikuti:</p> <p>2.1 “Keraian Rasmi” bermakna jamuan yang diadakan semasa penganjuran aktiviti/ program rasmi Kementerian/ Jabatan yang menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan;</p> <p>2.2 “Jemputan luar” bermakna wakil Kementerian/ Jabatan serta wakil agensi luar yang dijemput untuk menghadiri sesuatu mesyuarat berkaitan tugas rasmi Kerajaan;</p> <p>2.3 “Jamuan ringan” bermakna minum pagi atau minum petang;</p> <p>2.4 “Mesyuarat” bermakna sesuatu perbincangan atau seumpamanya yang diadakan berkaitan urusan rasmi Kerajaan; dan</p> <p>2.5 “Mesyuarat Pengurusan Tertinggi” bermakna mesyuarat yang dipengerusikan oleh oleh Pengerusi Lembaga Pengarah/Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan dianggotai oleh ahli Lembaga Pengarah/Jawatankuasa Pengurusan Universiti.</p>
3	<p>Keraian Rasmi Kerajaan</p> <p>3.1 Keraian Rasmi boleh diadakan hanya bagi penganjuran aktiviti/ program berikut:</p>

BIL.	KELULUSAN LEMBAGA PENGARAH KE 159 (MINIT 159/11)
	<p>(a) persidangan di peringkat Antarabangsa, Kebangsaan, Kementerian dan Jabatan;</p> <p>(b) Majlis Penuh Istiadat/ sambutan keraian yang wajib diraikan di peringkat Kebangsaan, Kementerian dan Jabatan seperti majlis penganugerahan/ pengiktirafan yang termaktub di dalam pekeliling-pekeliling Kerajaan dan sambutan program rasmi peringkat kebangsaan dan antarabangsa berkaitan fungsi Kementerian/ Jabatan</p> <p>(c) lawatan rasmi orang kenamaan atau rombongan dari luar atau dalam negara yang wajib diraikan berkaitan urusan rasmi Kerajaan; atau</p> <p>(d) majlis perasmian/ penutupan sesuatu program rasmi Kementerian/ Jabatan</p> <p>3.2 Selain itu, Keraian Rasmi juga boleh diadakan semasa mesyuarat-mesyuarat berikut:</p> <p>(a) mesyuarat yang dipengerusikan oleh YB Menteri dan YB Timbalan Menteri yang berkaitan dengan urusan rasmi Kerajaan;</p> <p>(b) mesyuarat pengurusan tertinggi yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Pengarah</p> <p>(c) mesyuarat yang melibatkan wakil negara asing; atau</p> <p>(d) Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti</p> <p>(e) Mesyuarat pengurusan tertinggi Universiti dan mesyuarat yang dipengerusikan oleh Ahli Lembaga Pengarah Universiti /Jawatankuasa Pengurusan Universiti</p> <p>(f) Mesyuarat dalaman Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang dipengerusikan oleh ahli pengurusan PTJ atau Pegawai Pengurusan dan Profesional (P&P)</p> <p>(g) mesyuarat yang melibatkan jemputan luar.</p> <p>Walau bagaimanapun mesyuarat yang kurang daripada 6 jam hanya boleh disediakan jamuan ringan.</p>

BIL.	KELULUSAN LEMBAGA PENGARAH KE 159 (MINIT 159/11)																		
4	<p data-bbox="293 292 618 320">Kadar Keraian Rasmi</p> <p data-bbox="293 347 2024 464">4.1 Perbelanjaan maksimum bagi aktiviti/program seperti di para 3 adalah seperti berikut dan bayaran perkhidmatan, cukai Kerajaan dan bayaran-bayaran lain yang diwajibkan kerana mengadakan jamuan berkenaan adalah layak dituntut sebagai bayaran tambahan.</p> <p data-bbox="367 517 629 545">4.1.1 Mesyuarat</p> <p data-bbox="472 571 1458 600">(a) Dipengerusikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti</p> <table border="1" data-bbox="584 643 1451 775"> <thead> <tr> <th>Bil</th> <th>Jenis Keraian</th> <th>Kadar Keraian</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>minum pagi /petang</td> <td>RM12</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>Makan Tengahhari/ Malam</td> <td>RM35</td> </tr> </tbody> </table> <ul data-bbox="577 826 1756 855" style="list-style-type: none"> • mesyuarat yang kurang daripada 6 jam hanya boleh disediakan jamuan ringan <p data-bbox="472 906 1077 935">(b) Dipengerusikan oleh ahli LPU/JPU</p> <table border="1" data-bbox="584 978 1451 1110"> <thead> <tr> <th>Bil</th> <th>Jenis Keraian</th> <th>Kadar Keraian</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>minum pagi/petang</td> <td>RM8</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>Makan Tengahhari/ Malam</td> <td>RM20</td> </tr> </tbody> </table> <ul data-bbox="595 1153 1774 1182" style="list-style-type: none"> • mesyuarat yang kurang daripada 6 jam hanya boleh disediakan jamuan ringan 	Bil	Jenis Keraian	Kadar Keraian	1	minum pagi /petang	RM12	2	Makan Tengahhari/ Malam	RM35	Bil	Jenis Keraian	Kadar Keraian	1	minum pagi/petang	RM8	2	Makan Tengahhari/ Malam	RM20
Bil	Jenis Keraian	Kadar Keraian																	
1	minum pagi /petang	RM12																	
2	Makan Tengahhari/ Malam	RM35																	
Bil	Jenis Keraian	Kadar Keraian																	
1	minum pagi/petang	RM8																	
2	Makan Tengahhari/ Malam	RM20																	

BIL.	KELULUSAN LEMBAGA PENGARAH KE 159 (MINIT 159/11)																			
	<p>(c) Dipengerusikan oleh ahli pengurusan atau Pegawai Pengurusan dan Profesional (P&P) PTJ</p> <table border="1" data-bbox="584 363 1453 539"> <thead> <tr> <th>Bil</th> <th>Jenis Keraian</th> <th>Kadar Keraian</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>minum pagi/petang</td> <td>RM6</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>Makan Tengahhari / Malam</td> <td>RM15 jika 6 jam atau lebih</td> </tr> </tbody> </table> <ul style="list-style-type: none"> • mesyuarat yang kurang daripada 6 jam hanya boleh disediakan jamuan ringan • bagi mesyuarat yang melibatkan aktiviti pelajar, kadar keraian adalah sama seperti kadar di atas <p>(d) Bagi mesyuarat yang perlu diadakan sehingga malam dan melebihi 8 jam menggunakan kadar keraian untuk bengkel iaitu maksimum RM35 sehari dengan pecahan berikut:</p> <table border="1" data-bbox="584 868 1453 1043"> <thead> <tr> <th>Bil</th> <th>Jenis Keraian</th> <th>Kadar Keraian</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>minum pagi/petang</td> <td>RM6</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>Makan Tengahhari / Malam</td> <td>RM15 jika 6 jam atau lebih</td> </tr> </tbody> </table>		Bil	Jenis Keraian	Kadar Keraian	1	minum pagi/petang	RM6	2	Makan Tengahhari / Malam	RM15 jika 6 jam atau lebih	Bil	Jenis Keraian	Kadar Keraian	1	minum pagi/petang	RM6	2	Makan Tengahhari / Malam	RM15 jika 6 jam atau lebih
Bil	Jenis Keraian	Kadar Keraian																		
1	minum pagi/petang	RM6																		
2	Makan Tengahhari / Malam	RM15 jika 6 jam atau lebih																		
Bil	Jenis Keraian	Kadar Keraian																		
1	minum pagi/petang	RM6																		
2	Makan Tengahhari / Malam	RM15 jika 6 jam atau lebih																		

BIL.	KELULUSAN LEMBAGA PENGARAH KE 159 (MINIT 159/11)																
	(e)	bagi penganjuran latihan peringkat universiti dan PTJ, kadar yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Latihan Universiti ialah RM21 sehari (8.00 pagi-5.00 petang) seperti pecahan berikut: <table border="1" data-bbox="584 400 1570 592" style="margin-left: 40px;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Bil</th> <th style="text-align: center;">Jenis Keraian</th> <th style="text-align: center;">Kadar Keraian</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">1</td> <td>minum pagi/petang</td> <td>RM6 -Sekurang-kurangnya 3 jam Latihan</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">2</td> <td>Makan Tengahhari</td> <td>RM15 -Jika 6 jam atau lebih</td> </tr> </tbody> </table>	Bil	Jenis Keraian	Kadar Keraian	1	minum pagi/petang	RM6 -Sekurang-kurangnya 3 jam Latihan	2	Makan Tengahhari	RM15 -Jika 6 jam atau lebih						
Bil	Jenis Keraian	Kadar Keraian															
1	minum pagi/petang	RM6 -Sekurang-kurangnya 3 jam Latihan															
2	Makan Tengahhari	RM15 -Jika 6 jam atau lebih															
	(f)	Bagi mesyuarat/program yang melibatkan kutipan yuran daripada peserta, kadar keraian adalah telah termasuk di dalam pengiraan perbelanjaan program dengan syarat tiada lebih perbelanjaan berlaku															
	(g)	mengekalkan keraian rasmi yang diluluskan oleh JKTK bil 4/3(2010), bil 4/1(2013) dan bil 5/2(2015) seperti berikut: <p>(i) Kadar Caj Perkhidmatan Makan Minum Mesyuarat di L'Apprenti, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan</p> <table border="1" data-bbox="584 1011 2020 1337" style="margin-left: 40px;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Kategori</th> <th style="text-align: center;">Item</th> <th style="text-align: center;">Kadar harga (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Seminar 1 hari</td> <td>2 jamuan ringan + 1 makan tengah hari</td> <td>70.00-80.00</td> </tr> <tr> <td>Seminar separuh hari</td> <td>1 jamuan ringan + 1 makan tengah hari</td> <td>55.00-65.00</td> </tr> <tr> <td>Seminar 1 hari tanpa makan tengah hari</td> <td>2 jamuan ringan</td> <td>30.00</td> </tr> <tr> <td>Seminar separuh hari tanpa makan tengah hari</td> <td>1 jamuan ringan</td> <td>15.00</td> </tr> </tbody> </table>	Kategori	Item	Kadar harga (RM)	Seminar 1 hari	2 jamuan ringan + 1 makan tengah hari	70.00-80.00	Seminar separuh hari	1 jamuan ringan + 1 makan tengah hari	55.00-65.00	Seminar 1 hari tanpa makan tengah hari	2 jamuan ringan	30.00	Seminar separuh hari tanpa makan tengah hari	1 jamuan ringan	15.00
Kategori	Item	Kadar harga (RM)															
Seminar 1 hari	2 jamuan ringan + 1 makan tengah hari	70.00-80.00															
Seminar separuh hari	1 jamuan ringan + 1 makan tengah hari	55.00-65.00															
Seminar 1 hari tanpa makan tengah hari	2 jamuan ringan	30.00															
Seminar separuh hari tanpa makan tengah hari	1 jamuan ringan	15.00															

BIL.	KELULUSAN LEMBAGA PENGARAH KE 159 (MINIT 159/11)		
	(ii) Kadar Keraian Bagi Tetamu Jemputan Dari Dalam dan Luar Negara		
	Bil	Kadar Keraian	RM
	1	Dalam Kampus	
		Minum Pagi	5.00
		Makan Tengahari	15.00
		Minum Petang	5.00
		Makan Malam	65.00
	2	Luar Kampus	150.00
	(iii) Kadar Harga Produk L'Apprenti, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan		
	Bil	Kategori	Kadar harga (RM)
	1	Pakej mesyuarat dalaman	4.00-7.00
			2 pastri+air mineral/jus
	(h) mengekalkan pemakaian Pekeliling Bursar bil 4/2014 agar semua PTJ mendapatkan perkhidmatan makanan daripada Fakulti Sains dan Teknologi Makanan sekurang-kurangnya 50% daripada perbelanjaan makanan untuk acara rasmi setiap PTJ		

BIL.	KELULUSAN LEMBAGA PENGARAH KE 159 (MINIT 159/11)
	<p>4.2 Pegawai Pengawal hendaklah menyediakan garis panduan dalaman sendiri bagi pembahagian kadar tersebut yang munasabah untuk jamuan ringan, makan tengah hari dan makan malam. Garis panduan dalaman ini hendaklah dipatuhi dan Unit Audit Dalam Kementerian/ Jabatan masing-masing adalah bertanggungjawab untuk memantau pematuhan garis panduan tersebut. Sesalinan garis panduan hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan untuk tujuan rekod.</p> <p>4.3 Walau bagaimanapun, kadar jamuan bagi majlis rasmi yang telah ditetapkan kadarnya seperti sambutan Hari Inovasi tidak tertakluk kepada kadar Keraian Rasmi seperti di para 4.1.</p>
5	<p>Perkara-perkara Am</p> <p>5.1 Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk membuat perancangan yang rapi bagi mengadakan Keraian Rasmi seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> 5.1.1 kekerapan mengadakan Keraian Rasmi hendaklah dihadkan kepada aktiviti/ program/ mesyuarat rasmi yang penting dan perlu berpandukan kepada syarat-syarat di para 3 di atas 5.1.2 penganjuran majlis Keraian Rasmi digalakkan diadakan di premis atau kemudahan sedia ada Kerajaan yang bersesuaian dan dibuat secara sederhana 5.1.3 bilangan jemputan hendaklah dihadkan kepada individu/ organisasi yang berkaitan secara langsung dengan urusan rasmi Kerajaan sahaja 5.1.4 hidangan minuman keras adalah tidak dibenarkan 5.1.5 Bagi mesyuarat atas talian (online), hanya ahli mesyuarat yang perlu hadir fizikal di lokasi mesyuarat layak diberikan keraian rasmi. 5.1.6 Tiada keraian dibenarkan pada bulan Ramadhan

BIL.	KELULUSAN LEMBAGA PENGARAH KE 159 (MINIT 159/11)
	<p>5.1.7 pegawai yang mempunyai elaun keraian hendaklah menggunakan elaun keraian pegawai bagi setiap mesyuarat yang tidak layak disediakan keraian rasmi</p> <p>5.1.8 membuat perancangan yang lebih awal untuk mengelakkan kos yang lebih tinggi; dan</p> <p>5.1.9 Kementerian/ Jabatan hendaklah mempunyai peruntukan yang mencukupi dan diluluskan, sentiasa mengamalkan prinsip perbelanjaan berhemat serta mematuhi peraturan kewangan semasa yang berkuat kuasa.</p>